

Perkenal 4 program

Suraya Roslan
dan Yusniza Dolah Aling
am@hmetro.com.my

■ Inisiatif JKMWPKL bantu golongan
sasar hidup selesa di ibu kota

Kuala Lumpur

Empat program diperkenalkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) sepanjang tahun ini khusus bagi memastikan golongan sasaran dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa.

Inisiatif itu ialah Reaching Out @ Chow Kit (ROCK), Food For Life Initiative, Volunteering In Community Engagement (VOICE) dan Kumpulan Remaja Aktif (KREATIF) yang akan memenuhi keperluan semasa masyarakat di ibu negara.

Pengarahnya Wan Noraidah Wan Mohd Zain berkata, keempat empat inisiatif berkenaan dilhamkan selepas mengambil kira masalah masyarakat di kawasan bandar khususnya ibu negara yang perlu ditangani dengan pendekatan erhaik.

Katanya, bagi program ROCK, ia dikhususkan untuk menyantuni kanak-kanak yang berada di sekitar



WAN Noraidah memaparkan program yang bakal dijalankan JKMWPKL pada 2018.

Chow Kit yang sebelum ini dianggap tidak pernah selesa.

"Kita sedang mengumpul maklumat terperinci sejak tahun lalu, kita akan lihat apa keperluan, kemahuan dan kemudahan yang boleh kita sediakan untuk mereka menjalani kehidupan dengan lebih selesa.

"Kita juga melihat lu-

mungkinan perlunya pusat aktiviti kanak-kanak yang baru. Sebelum ini sudah ada pusat dikendalikan Yayasan Chow Kit, tetapi tidak cukup untuk menampung jumlah kanak-kanak yang ramai," katanya kepada Harian Metro.

Bagi program Food For Life Initiative, katanya, JK-

MWPKL bekerjasama de-

ngan perubahan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis sosial untuk menyumbangkan makanan kepada penerima bantuan JKM di tiga Projek Perumahan Rakyat iaitu Seri Pantai, Seri Pahang dan Desa Rejang yang akan menerima paket bantuan serapa yang disumbangkan kepada golongan memerlukan sebelum ini.